

Raja Arab Saudi sumbang al-Quran, 57 tan kurma

Malaysia
anggap hadiah
tanda
persahabatan
istimewa

Kuala Lumpur: Raja Arab Saudi, Raja Salman Abdulaziz Al-Saud akan menyumbang 46,000 naskah al-Quran terjemahan bahasa Melayu kepada masjid dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di seluruh negara sempena Ramadan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri dalam catatan di Facebook memaklumkan Penjaga Dua Masjid Suci itu turut menyumbang sebanyak 57 tan kurma untuk diagihkan kepada seluruh rakyat Malaysia sempe-

na bulan mulia itu.

"Saya menganggap hadiah terjemahan al-Quran ke dalam bahasa Melayu ini tanda persahabatan Malaysia dan Arab Saudi yang sangat istimewa, terutama dalam hasrat Malaysia untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai Bahasa ASEAN.

"Terima kasih saya ucapkan kepada Raja Salman Abdulaziz Al-Saud serta Kerajaan Arab Saudi atas hadiah yang diberikan," katanya dan berharap ikatan diplomasi antara kedua-dua negara yang sudah terjalin sekian lama akan terus kukuh dan berterusan.

Dalam catatan itu, Perdana Menteri berkongsi beliau turut menerima al-Quran dan kurma pemberian Raja Salman yang disampaikan Duta Arab Saudi ke Malaysia, Datuk Dr Mahmoud Hussein Saeed Qattan, di pejabatnya di Putrajaya, semalam.

BERNAMA



Mahmoud Hussein menyampaikan sumbangan al-Quran dan kurma pemberian Raja Salman kepada Ismail Sabri di Putrajaya, semalam.